

# Agong isytihar bendera, lagu baru Wilayah Persekutuan

UM - 21/8/2006

**KUALA LUMPUR** 20 Ogos - Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail malam ini berkenan mengisytiharkan bendera dan lagu baru Wilayah Persekutuan di Dataran Merdeka, di sini.

Bendera baru Wilayah Persekutuan itu dinaikkan enam bentara Tentera Laut Diraja Malaysia dengan diiringi nyanyian lagu "Maju dan Sejahtera" oleh kumpulan koir kebangsaan Malaysia.

Pengisytiharan bendera dan lagu baru itu disaksikan kira-kira 10,000 hadirin termasuk warga Wilayah Persekutuan Labuan, Putrajaya dan Kuala Lumpur.

Hadir sama ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Zulhasnan Rafique.

Pelancaran itu adalah susulan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Mei lalu yang diperkenankan Yang di-Pertuan Agong pada 12 Mei, untuk menggunakan satu bendera dan lagu bagi majlis rasmi seperti mesyuarat dan temasya sukan untuk mewakili ketiga-tiga Wilayah perse-

kutuan, iaitu Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Majlis pelancaran itu turut diserikan dengan pertunjukan bunga api, persembahan kebudayaan dan nyanyian oleh artis tempatan seperti Datin Julie Sudiro, Datuk M. Daud Kilau, Zainal Abidin, Ziana Zain dan Faizal AF4.

Bendera Wilayah Persekutuan menerapkan warna asas Jalur Gemilang iaitu kuning, merah dan biru dengan lambang kebesaran negara dan tiga bintang di bawahnya, menggantikan bendera lama yang tidak lagi sesuai untuk mewakili ketiga-tiga wilayah terbabit.

Lagu *Maju dan Sejahtera* pula dicipta oleh penggubah terkenal Datuk Wah Idris.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri dalam ucapannya berkata, bendera dan lagu baru itu adalah lambang penyatuan aspirasi ketiga-tiga wilayah untuk menjadi wilayah yang maju dan sejahtera.

Najib berkata, warga Wilayah Persekutuan harus menjadikan aspirasi itu sebagai satu kenyataan dengan bekerjasama dan bermuafakat dalam menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

- Bernama



**TUANKU** Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid pada Majlis Pelancaran Bendera dan Lagu Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur, malam tadi. Turut hadir Najib Tun Abdul Razak (dua kiri) dan Zulhasnan Rafique.